Latihan 1

Lengkapkan tempat kosong dengan memberikan imbuhan yang sesuai pada perkataan dalam kurungan.

Pada masa ini, tenaga nuklear [***sumbang***] (Contoh) **menyumbang** kepada 17 peratus [***bekal***] (1)_____ kuasa dunia. Amerika Syarikat ialah pengeluar [***besar***] (2)_____ tenaga nuklear sementara Perancis menjanakan 78 peratus tenaga elektrik daripada reaktor nuklear , bukan sahaja untuk [***guna***] (3)_____domestik tetapi dieksport ke negara jiran. Tenaga nuklear menjanakan elektrik daripada proses [***belah***] (4)_____ nukleus dalam reaktor yang [***hasil***] (5)_____ tenaga haba. Haba menukarkan air kepada bentuk wap dan [***salur***] (6)_____ ke turbin untuk menjanakan elektrik.

Tenaga nuklear juga dikategorikan sebagai tenaga hijau kerana membebaskan jumlah gas rumah hijau yang sedikit [***panjang***] (7)_____ masa hidupnya. Selain itu, pembinaan stesen jana kuasa nuklear tidak memerlukan kawasan luas [***banding***] (8)_____ kuasa solar atau angin. Lokasi yang sesuai adalah di tempat yang mempunyai permintaan tenaga elektrik tinggi, selamat, [***hampir***] (9)_____dengan sumber air untuk penyejukan dan bebas daripada jaluran risiko gempa bumi seperti di Kedah, di Pahang dan di Terengganu. Selari Rancangan Industri Bekalan Elektrik Malaysia (MESI) 2.0 (2019-2025) untuk meningkatkan penggunaan tenaga boleh [**baharu**] (10)_____kepada 20 peratus, tiada masalah dari segi undang-undang untuk Malaysia membangunkan loji nuklear sendiri.

Dipetik dan diubah suai daripada'Teroka potensi besar nuklear jana tenaga diperbaharui'

oleh Mohd Khoushaini Mohd Naim, *Berita Harian Online*, 20 Ogos 2020

LIVEWORKSHEETS